

05 MAY 2002

Wakaf-Mesyuarat/I

MENTERI-MENTERI ISLAM BINCANGKAN PELBAGAI ISU DI KL MULAI ESOK

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Selepas menjadi tuan rumah persidangan negara-negara Islam mengenai keganasan bulan lepas, Malaysia sekali lagi mengelolakan satu persidangan penting lain - kali ini melibatkan menteri-menteri yang bertanggungjawab bagi wakaf dan hal ehwal Islam.

Persidangan itu di sini, yang ketujuh sejak mula diadakan di Arab Saudi pada 1979, dilihat sebagai tepat pada masanya kerana ia menyediakan platform bagi dunia Islam menangani perkara-perkara penting bagi umat Islam sama ada berkaitan dengan agama, sosial, ekonomi atau politik.

Umat Islam masa kini menghadapi cabaran-cabaran besar yang sukar ditangani oleh sesebuah negara secara sendiri.

Walaupun mempunyai sumber yang banyak dan lebih satu bilion umat, rekod kejayaan negara-negara Islam amat menyedihkan kerana kebanyakan negara itu kekal menjadi antara negara termiskin dan ketinggalan serta tidak berpengaruh pada peringkat antarabangsa.

Ini dapat dilihat daripada keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa (PBB) baru-baru ini untuk membubarkan misi mencari fakta untuk menyiasat serangan tentera Israel ke atas penempatan pelarian Jenin di Palestin walaupun dibantah negara-negara Arab.

Kebimbangan terbaru ialah bagaimana menangani isu persepsi negatif mengenai Islam dan umat Islam kerana serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept tahun lepas dikaitkan dengan sekumpulan umat Islam.

Mesej yang harus disampaikan ialah walaupun media Barat terus menyiarkan laporan-laporan negatif, Islam sebenarnya adalah agama yang mengamalkan toleransi dan menolak sebarang ekstremisme atau perbuatan yang menghalang kemajuan.

Mungkin perhatian sewajarnya harus diberikan kepada satu cadangan yang menyaran dunia Islam mewujudkan rangkaian media sendiri di seluruh dunia sebagai cara memecahkan penguasaan media Barat.

Selain itu, negara-negara Islam harus bersungguh-sungguh dalam usaha mereka untuk membetulkan keadaan dan terus berjuang bagi mengembalikan kehormatan Islam sebagai agama agung di dunia.

Perkara itu akan dibincangkan oleh menteri-menteri pada persidangan tiga hari anjuran Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) itu yang akan dirasmikan esok oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Acara utama pada hari kedua persidangan itu, yang akan disertai 250 wakil dari 56 negara, ialah uaputama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terkenal dengan kebolehannya memberikan analisis tepat mengenai masalah yang mencengkam umat Islam.

Dr Mahathirlah yang mengatakan bahawa jika Islam mahu dihormati kembali, negara-negara Islam harus mendapatkan semula kekuatan dan keunggulan mereka dalam semua bidang termasuk pengetahuan moden, kecekapan pentadbiran, dalam mengendalikan hubungan sesama mereka dan pihak lain serta dalam bidang industri dan perdagangan.

"Bukan Islam tidak akan kagum dengan apa yang kita beritahu pada mereka tentang apa yang dinikmati selepas akhirat terutamanya apabila mereka melihat kita lemah dan melutut kepada kuasa-kuasa besar dunia, berpecah-belah malah saling bertelingkah sesama sendiri dan tidak mengamalkan apa yang kita laungkan sebagai ajaran Islam," katanya dalam satu ucapan beliau mengenai Islam.

Sembilan kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan itu termasuk

"Strategi Umum Memperkenalkan Islam dalam Pelbagai Bahasa" oleh Maghribi dan "Rancangan Menyediakan Pendakwah dalam Konteks Perubahan Dunia," oleh Arab Saudi.

Kertas kerja Malaysia bertajuk "Dakwah dan Ekstremisme" juga menarik kerana ia menghuraikan pengalaman Malaysia dalam menangani elemen ekstremisme yang mengancam keselamatan negara.

Selain itu, menteri-menteri berkenaan dijangka membincangkan cara-cara untuk meningkatkan usaha dakwah dengan mengambil kesempatan dalam teknologi maklumat dan komunikasi.

Peningkatan ekonomi umat Islam juga menjadi tumpuan para menteri berkenaan sambil mereka bertukar-tukar pendapat mengenai perkara berkaitan dengan pembangunan wakaf, zakat dan portfolio pelaburan dengan Bank Pembangunan Islam (IDB).

Persidangan itu dijangka mengeluarkan resolusi untuk tindakan lanjut negara-negara peserta.

-- BERNAMA  
MAM MFJ NAK